

Tidak ada pelajar Melayu tukar agama

PM

KUALA TERENGGANU 15 Julai — Kerajaan hari ini menegaskan tidak ada seorang pun pelajar Melayu tajaannya yang menukar agama di United Kingdom.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkefa keputusan ini dibuat setelah siasatan yang rapi dilakukan.

Katanya, kerajaan membuat kajian teliti berhubung dengan dakwaan tersebut kerana ia tentunya akan menakutkan ibu bapa untuk menghantar anak-anak belajar di luar negeri.

'Walaupun demikian kerajaan mendapati ada satu kes wanita Melayu yang menukar agama di United Kingdom, tetapi dia bukanlah pelajar' katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet di Wisma Darul Iman, di sini, hari ini.

Sebelum ini Berita Harian melaporkan terdapat 41 orang wanita Melayu yang menukar agama di United Kingdom dan ia mengemparkan pelbagai lapisan masyarakat Islam.

Perdana Menteri berkata walaupun sebelum itu ada laporan yang menyebut kononnya ada kes tersebut tetapi kerajaan tidak boleh menolak terus laporan mengenainya.

Sebelum itu, Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud, pada sidang akhbar yang sama, berkata pihaknya menggunakan berbeagai-hgaeai cara untuk mendapatkan butir-butir yang lengkap bagi membuktikan kesahihannya.

Antara usaha yang dilakukan termasuklah meminta laporan mengenai penuntut Malaysia yang menukar agama, jika ada, dari semua Jabatan Penuntut Malaysia luar negeri.

Hasil daripada siasatan mereka mendapati tidak ada mana-mana 'pelajar Melayu Malaysia yang menukar agama sebagaimana yang dilaporkan.

Beliau bagaimanapun berkata, pihaknya akan meningkatkan kursus bimbingan agama di kalangan pelajar sebelum mereka melanjutkan pelajaran keluar negeri.

Di samping itu buku panduan agama akan dikeluarkan dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri, untuk diedarkan kepada semua pelajar.